



**KENYATAAN PELAWAAN SEBUT HARGA
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN
PELUPUSAN ASET ALIH SEUNIT PENIMBANG (WEIGHBRIDGE)**

RUJUKAN PELAWAAN : MPLBP/PNL/PT/L-AST/01/2022

BERTARIKH : 04 Januari 2022

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membuat tawaran pembelian aset tersebut.
2. Dokumen Sebut Harga (**KEW.PA-25**) boleh dilihat, dimuat turun dan dicetak **SECARA PERCUMA** melalui laman web <http://www.mplbp.gov.my> mulai :-
 - a) Tarikh Dokumen Boleh Didapati : **Mulai 04 Januari 2022 Hingga 11 Januari 2022**
 - b) Aset boleh Dilihat : **Mulai 04 Januari 2022 hingga 11 Januari 2022**
 - c) Lokasi : **Tapak Pelupusan Sampah, Belanga Pechah, MPLBP**
3. Dokumen tawaran yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan bertulis No. Rujukan Pelawaan pada bahagian atas kiri sampul surat yang di alamatkan kepada **Tuan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, 07000 Kuah, Langkawi, Kedah D.A.** serta di hantar dan dimasukkan kedalam Peti Sebut Harga yang disediakan tidak lewat daripada jam **12.00 TENGAHARI** pada **11 JANUARI 2022**. Dokumen juga boleh dikemukakan melalui emel mplbpperolehan@gmail.com.
4. Pihak Majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang ditolak atas apa jua sebab serta tidak bertanggungjawab atas segala kos perbelanjaan berkaitan atas sebut harga ini.
5. Dokumen tawaran yang lewat diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab kegagalan penyebutharga mematuhi syarat tidak akan dilayan dan segala bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
6. Jika dokumen tawaran sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut sampai kepada dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
7. Penyebutharga hendaklah dalam apa jua keadaan sekalipun wajib mematuhi **SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN)** yang berkuatkuasa ketika ini.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(NOORUL AZYYATI BINTI AHMAD SALMI.,BCK.)

Setiausaha

b.p : Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan